

07 SEP 1996

Singapura - Mohamed

KERAJAAN SINGAPURA AMALKAN TAKTIK KOTOR UNTUK KEKAL BERKUASA

KUALA LUMPUR, 7 Sept (Bernama) -- Setiausaha Agung UMNO Datuk Mohamed Rahmat hari ini berkata gambaran oleh kerajaan Singapura kononnya meritokrasi dan keharmonian kaum tidak wujud di Malaysia merupakan taktik kotor pemimpin negara itu untuk terus kekal berkuasa.

Beliau berkata andaian seumpama itu tidak wajar kerana ianya menghina Malaysia terutamanya orang Melayu.

Mohamed berkata sekiranya PAP (People's Action Party) mahu terus kekal berkuasa ia sepatutnya meyakinkan rakyat Singapura terhadap kepimpinannya dan bukan menggunakan taktik kotor dengan menggugut rakyat republik itu mengenai soal percantuman semula dengan Malaysia.

Semalam Majlis Tertinggi UMNO merakamkan rasa amat tersinggung terhadap kenyataan Singapura yang mendakwa meritokrasi dan keharmonian kaum tidak wujud di Malaysia.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata dakwaan itu sama sekali tidak ikhlas kerana tujuannya untuk menunjukkan betapa buruknya Malaysia yang dituduh tidak mengamalkan meritokrasi.

Mohamed, yang ditemui selepas melancarkan khidmat Homepage Bahagian Ehwat Semasa RTM di Menara Kuala Lumpur di sini, berkata Singapura harus ingat keharmonian kaum serta keamanan yang dinikmati oleh negara itu sekarang banyak bergantung kepada keadaan di Semenanjung Malaysia sendiri.

"Malahan Singapura juga harus ingat bahawa jika tidak kerana jasa Angkatan Tentera Malaysia mengawal keadaan semasa negara itu dilanda rusuhan kaum ekoran kes Natrix dulu, Singapura tidak menjadi seperti sekarang," katanya.

Mengenai siaran RTM, Mohamed berkata sejak stesen pemancar siaran TV1 dan TV2 dipindahkan dari Bukit Besi ke menara itu, penerimaan siaran kedua-dua televisyen itu di Lembah Klang dan Selangor kini lebih jelas.

Beliau berkata semua stesen pemancar televisyen dan radio termasuk milik swasta perlu dipusatkan di satu tempat bagi memudahkan pengguna mendapat siaran yang jelas dengan menghalakan antenna mereka ke satu arah.

-- BERNAMA

AKT MAI